Media Title : Utusan Borneo (Sarawak)
Headline : Program Semarak Perpaduan agih 1,500 bubur lambuk kepada penduduk Sibu
Date : 27 April 2022
Page : 8

# Program Semarak Perpaduan agih 1,500 bubur lambuk kepada penduduk Sibu

**SIBU:** Sebanyak 1,500 bubur lambuk diagihkan kepada orang ramai di Sibu menerusi Program Semarak Perpaduan: Acara Memasak Bubur Lambuk Komuniti Rukun Tetangga (RT) Keluarga Malaysia Sabtu lalu.

Program itu merupakan anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNI).

RT terlibat ialah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Jeriah selaku tuan rumah, KRT Taman Soon Hup, KRT Bougenvilla, KRT Persiaran Brooke dan KRT Jalan Awang Ramli Amit.

Ia turut mendapat kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Sibu, Koperasi Belia Berhad (YOSH), Brothers 8 Familia dan Side Streetz Garage Enterpise.

Aktiviti memasak bubur lambuk diadakan di pekarangan Masjid Babussalam Kampung Jeriah di sini dan simbolik agihan bubur lambuk diadakan di Gurdwara Sahib Sibu.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Dr Annuar Rapaee.

Hadir sama Pegawai Perpaduan Bahagian Sibu Siti Nur Fatimah Hussen.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah Operasi JPNIN Zulkifli Hashim, program berjalan serentak itu melibatkan sebanyak 3,000 RT seluruh negara.

"Program Bubur Lambuk Bersama KRT juga berorientasikan hasrat mengangkat menu itu sebagai simbol citra rasa mewakili kemajmukan Keluarga Malaysia," katanya.



**BUBUR LAMBUK:** Nur Fatimah (dua kiri) mengagihkan bubur lambuk kepada polis Sibu yang diwakili Ketua Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Sibu DSP Ariffin Bahar.